



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN  
YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR  
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**SEMPENA RUMAH TERBUKA DEEPAVALI**

**20 OKTOBER 2017 (JUMAAT)  
DI DATARAN DBKL, JALAN RAJA LAUT KUALA LUMPUR**

---

**Bismillah hirrahman Nirahim.**

**Terima kasih saudara/i Pengacara Majlis**

*(Senarai salutasi akan diselaraskan kemudian)*

**Rakan-rakan media,**

**YBhg. Datuk-datuk, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.**

1. Pertama sekali saya ingin memanjatkan rasa penuh kesyukuran saya ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan kurniaNya juga, kita dapat berkumpul dan bersama-sama meraikan Sambutan Perayaan Hari Deepavali yang amat bermakna buat kaum India yang beragama Hindu di negara kita.

2. Saya yakin perayaan ini akan disambut dengan penuh semangat muhibbah kerana sambutan sebegini dapat memupuk tali persaudaraan dan keharmonian yang lebih kukuh di kalangan semua kumpulan etnik di Malaysia.
3. Seperti lazimnya di negara kita, apabila tiba perayaan bagi sesuatu kaum, seluruh masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa pasti akan sama-sama berkumpul dan berkongsi hari yang penuh istimewa ini dalam suasana perayaan yang sungguh meriah dan berwarna-warni. Inilah istimewanya dan uniknya negara kita yang perlu dijaga dan pelihara sebaiknya.
4. Kita mesti sentiasa berusaha untuk menyemai, memupuk dan mempertahankan semangat murni dan kerjasama antara kaum kerana saya yakin, inilah yang akan menjadi tunggak kekuatan kita serta menjadi teladan di mata dunia.

**Hadirin hadirat sekalian,**

5. Deepavali meraikan kemenangan unsur-unsur kebaikan mengatasi unsur-unsur kejahatan. Deepavali pada asasnya disambut untuk meraikan kejayaan terhadap kebaikan menentang kejahatan (triumph of good over evil). Secara tersirat, apabila kejahaan atau keburukan ditewaskan maka akan ada cahaya, itulah simbolik perayaan Deepavali. Kejahaan atau keburukan yang dimaksudkan ini bukan sahaja menjurus kepada epik atau legenda Hindu, malah ia menggambarkan cara kita hidup, apabila kejahaan atau keburukan

dihapuskan, maka hidup kita akan terang benderang dilimpahi dengan cahaya.

6. Di samping mengejar matlamat dan cita-cita peribadi, marilah kita bersatu dan berkerjasama untuk memberikan sinar kehidupan yang lebih cemerlang kepada mereka yang kurang bernasib baik agar tidak ada kumpulan masyarakat yang dipinggirkan.
7. Walau bagaimanapun, kemeriahinan dan keriangan menyambut Festival Cahaya ini akan lebih bermakna apabila dikongsi dengan mereka yang kurang bernasib baik dan serba kekurangan seperti keluarga miskin, orang kurang upaya, dan warga emas.
8. Oleh itu, pada hari ini, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) akan mengagihkan sumbangan kepada 1,200 orang yang kurang berkemampuan dan miskin di Kuala Lumpur ini yang berjumlah RM120,000.00.
9. Terima kasih YWP di atas keprihatinan yang ditunjukkan dalam membantu golongan yang kurang bernasib baik di Wilayah Persekutuan ini. Saya menyeru jika ada mana-mana badan korporat dan swasta lain yang ingin menghulurkan sumbangan kepada golongan miskin dan yang kurang berkemampuan, boleh bekerjasama dengan pihak KWP di dalam program-program yang Kementerian anjurkan.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dikasihi sekalian,**

10. YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri dan kerajaan Barisan Nasional sentiasa membantu komuniti India secara langsung antaranya melalui pembangunan sekolah jenis kebangsaan Tamil serta peruntukan dana perniagaan.
11. Komitmen itu dapat dilihat melalui semasa pembentangan Bajet 2017 terdahulu di mana penyaluran peruntukan hampir RM50 juta disediakan bagi program peningkatan kapasiti dan pendapatan, RM150 juta untuk program pembiayaan perniagaan melalui TEKUN dan Amanah Ikhtiar Malaysia, RM50 juta untuk menambah baik dan penyelenggaraan sekolah Tamil dan RM10 juta lagi untuk memperluaskan program prasekolah di 50 sekolah Tamil.
12. Melalui Kementerian Wilayah Persekutuan juga kami sentiasa berusaha dan mempelbagaikan inisiatif untuk mensejahterakan rakyat di Wilayah Persekutuan. Beberapa task force telah diwujudkan demi memberi penumpuan kepada isu-isu yang penting khusus untuk rakyat.
13. Antara usaha terkini yang digerakkan oleh pihak Kementerian bersama agensi adalah pembinaan Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Sebagai sebuah kerajaan yang prihatin terhadap keperluan semasa rakyat yang ingin memiliki rumah sendiri dengan harga yang berpatutan, setiap unit kediaman RUMAWIP ditawarkan pada harga RM300 ribu ke bawah.

14. Oleh itu, kepada mana-mana warga Wilayah Persekutuan yang masih belum mempunyai rumah sendiri, rebutlah peluang keemasan ini dengan segera. Semua projek pembinaan yang dibuat adalah di lokasi yang strategik dan berhampiran dengan kemudahan awam yang pastinya memberi pulangan nilai hartanah yang tinggi kepada para pembeli.
15. Selain itu, kementerian juga telah melaksanakan usaha untuk menghijaukan Wilayah Persekutuan melalui inisiatif penggunaan produk biodegradasi dan katakan tidak kepada penggunaan plastik ataupun polisterina. Harapan Kementerian agar penggunaan produk biodegradasi ini dilaksanakan dengan jayanya di semua premis perniagaan di seluruh Wilayah Persekutuan demi kepentingan kita sekarang dan generasi akan datang. Maka pemuliharaan (preservation) harus mula dari sekarang.
16. Oleh itu, para peniaga dinasihatkan agar mematuhi peraturan ini yang telah berkuatkuasa sejak 1 September. Jangan nanti apabila Penguatkuasa turun membuat pemantauan dan dikenakan kompaun, menyalahkan kerajaan pula. Sama-sama kita berganding bahu untuk kebaikan bersama. Apa yang kerajaan cuba lakukan adalah demi kepentingan rakyat. Tahap kesihatan rakyat adalah diutamakan. Mengapa kita harus meletakkan diri dalam keadaan berisiko tinggi dengan masih menggunakan bekas-bekas polisterina dan plastik yang memang terbukti memudaratkan kesihatan? Maka tepuk dada tanya selera.

17. Pada awal tahun lalu, Kementerian telah melancarkan penggunaan kad ceria yang boleh membantu mengurangkan beban sara hidup rakyat Wilayah Persekutuan. Sehingga kini terdapat lebih 6,000 rakan dagang yang bekerjasama dengan kementerian untuk memberikan diskaun potongan harga barang dan perkhidmatan kepada rakyat.
18. Kad ceria ini boleh diperoleh di Pusat-Pusat Khidmat Masyarakat. Dengan edaran kad ceria ini komuniti India turut mendapat manfaatnya. Seramai 36,283 (10%) komuniti India di Wilayah Persekutuan telah mendapat kad tersebut. Diharapkan semua rakyat yang mendapat kad ceria ini akan memanfaatkan penggunaannya demi meringankan beban perbelanjaan harian. Terima kasih saya ucapkan kepada rakan dagang antaranya KK Mart, Mydin, Kenny Rogers, Border, Pusat Pakaian Hari-Hari dan banyak lagi yang bekerjasama dan turut prihatin kepada keadaan rakyat.
19. Baru-baru ini, Kementerian dengan kerjasama DBKL, YWP, Badan Amal Kasih Ibu Wilayah Persekutuan serta Mah Sing Group Berhad telah menyampaikan sumbangan pemberian rumah kepada 10 orang komuniti India miskin yang tinggal di PPR M-TEN dan PA DBKL melalui program Baiti Jannati @ Wilayah Persekutuan.
20. Kesemua mereka adalah merupakan penyewa semasa di unit tersebut. Demi membantu meningkatkan taraf hidup ke arah yang lebih selesa dan kondusif, Kerajaan membantu menyelesaikan pinjaman perumahan atau sewa rumah mereka yang tertunggak. Selain itu,

sumbangsan turut diberikan untuk membaiki dan melengkapkan peralatan asas rumah mereka yang serba kekurangan seperti perabot dan lain-lain. Unit kediaman itu seterusnya dipindahmiliki kepada Ketua Penyewa yang sedia ada. Diharapkan melalui inisiatif yang dibuat oleh Kerajaan dengan kerjasama daripada badan-badan korporat serta NGO dapat membantu meringankan beban serta membolehkan rakyat hidup dengan lebih selesa dan kondusif.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

21. Sebagai mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Rumah Terbuka Deepavali Peringkat Wilayah Persekutuan pada tahun ini. Adalah besar harapan saya agar program-program yang Kementerian anjurkan ini akan membuka ruang yang luas untuk kita memupuk nilai-nilai keprihatinan, saling menghormati dan menyayangi serta berkongsi kegembiraan yang dikecapi bersama-sama dengan insan yang kurang bernasib baik.
22. Semoga sambutan festival cahaya ini akan menerangi kehidupan semua rakyat Malaysia khususnya warga Wilayah Persekutuan untuk hidup dalam keadaaan yang aman dan harmoni.
23. **Selamat Menyambut Hari Deepavali atau “Deepavali Vaalthukal” kepada semua rakyat Malaysia yang beragama Hindu.**
24. Sekian, terima kasih.